

Oleh Prof Madya Dr Mohd Nizam Osman,
Timbalan Pengarah, Pusat Transformasi Komuniti Universiti,
Universiti Putra Malaysia (UPM).



Impak teknologi komunikasi maklumat sepanjang PKP

Inisiatif IPT penuh tanggungjawab universiti kepada komuniti

Ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan, teknologi komunikasi maklumat dilihat sebagai aplikasi yang amat relevan dan terbaik untuk digunakan bagi merealisasikan kelangsungan tugas serta aktiviti dari semasa ke semasa di organisasi, institusi serta pejabat.

Wabak COVID-19 mengundang pelbagai masalah dan implikasi, khususnya ke atas ekonomi negara dan dunia sehingga PKP dilaksanakan bukan sahaja di Malaysia, malahan di semua negara yang terkesan dengan pandemik itu.

Situasi itu, menyebabkan masyarakat secara keseluruhan tidak dapat keluar bekerja, seterusnya memberi implikasi besar ke atas sumber pendapatan masyarakat secara keseluruhannya.

Kesan lanjutan PKP juga dapat dirasai di institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini, apabila aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan sebahagian aktiviti serta program latihan ter-

paksa dihentikan buat masa ini. Bagaimanapun, program latihan, pengembangan dan aktiviti berkaitan yang masih relevan tetap dijalankan oleh fakulti, pusat dan institusi di universiti.

Antara pusat yang aktif menjalankan program serta aktiviti dengan menggunakan teknologi komunikasi dan maklumat di setiap universiti awam (UA) ialah Pejabat Jaringan Industri dan Masyarakat (JINM). JINM diterajui oleh Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) yang menjalankan program berkaitan kemasyarakatan dan Pusat Hubungan dan Jaringan Industri (CiRNeT) yang terbabit secara aktif dalam program bersama industri.

Antara program yang sedang dirancang dan dilaksanakan oleh JINM adalah mengendali dan menguruskan sistem *Industry Community Relations Intelligent System* (ICRS) yang masih dibuka sepanjang tempoh PKP bagi membolehkan kakitangan akademik merekodkan program serta aktiviti yang berkaitan dengan masyarakat dan industri yang sudah dilaksanakan.

UCTC setiap universiti pula menganjurkan beberapa sesi forum pengembangan secara dalam talian yang mengupas serta mem-



Walaupun PKP dilihat menjejaskan produktiviti secara signifikan dari pelbagai sudut dan sektor, dengan menggunakan aplikasi teknologi komunikasi maklumat secara kreatif, banyak perkara dapat dilaksanakan dan dihasilkan dalam tempoh itu.

bincangkan pelbagai isu semasa bersama pakar bidang yang dikenali pasti.

UCTC mengadakan siaran langsung melalui *Facebook* sekali dalam tempoh dua minggu bersama pakar jaringan industri dan masyarakat. Pegawai JINM juga aktif menggunakan perisian teknologi komunikasi dan maklumat dalam melaksanakan projek da-

lam talian seperti *Online Digital Poster Presentation (Infographics)*, *EBulletin* dan *Ebook*.

Satu lagi aplikasi teknologi komunikasi dan maklumat yang digunakan secara strategik oleh JINM adalah dalam menganjurkan program *JINM Showcase* yang memaparkan projek jaringan komuniti dan industri berimpak tinggi bagi meraikan komuniti masyarakat serta industri.

Beberapa aplikasi teknologi komunikasi dan maklumat lain juga digunakan sepanjang tempoh PKP dalam mengadakan mesyuarat, perbincangan dan latihan seperti menerusi siaran langsung *Facebook*, forum dan mesyuarat dalam talian menggunakan perisian *Zoom Meeting* dan *WeBex*.

Antara forum dalam talian anjuran Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) ialah Forum *University for Society* (U4S) berhubung Peranan Universiti Awam Kepada Masyarakat Dalam Menangani Wabak COVID-19 dan Forum Cabaran Pengembangan Pertanian Pasca COVID-19 anjuran UCTC Universiti Putra Malaysia (UPM). Kedua-dua forum itu dibarisi ahli panel berpengalaman serta berkepakaran luas berkaitan topik dibincangkan.

Satu lagi inisiatif yang diambil oleh UCTC dalam melaksanakan

program latihan melalui dalam talian adalah siaran langsung *Facebook* dengan mengundang pakar bidang tertentu bagi menyampaikan syarahan atau ceramah kepada peserta menggunakan media sosial *Facebook*.

Kaedah latihan melalui *Facebook* ini sedikit sebanyak dapat memberikan pendedahan asas kepada peserta mengenai sesuatu bidang sebelum perjumpaan bersemuka diadakan antara peserta dengan pakar.

Satu daripada program latihan yang boleh dilaksanakan dengan menggunakan *Facebook* adalah program asas tanaman sayuran. Pakar bidang pertanian dapat menyampaikan syarahan (teoretikal) mengenai asas tanaman sayuran, manakala aspek praktikal juga dapat ditunjukkan dalam bentuk video mengenai teknik tanaman yang betul dan bersesuaian.

Walaupun PKP dilihat menjejaskan produktiviti secara signifikan daripada pelbagai sudut dan sektor, namun dengan menggunakan aplikasi teknologi komunikasi maklumat secara kreatif, banyak perkara dapat dilaksanakan dan dihasilkan dalam tempoh PKP ini. Semuanya bergantung kepada inisiatif serta komitmen masing-masing.